

Headline	Ketabahan jiwa WANITA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	825,000
Page No	R14	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	499 cm ²
Journalist	Norhayati Nordin	AdValue	RM 18,359
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,077



Ketabahan *Jiwa* WANITA

**Teater Jam Dinding Yang Berdetak dipentaskan
di IB selama tiga hari mulai 17 Januari**

Oleh Norhayati Nordin

norhayati_nordin@mediaprima.com.my

Tiga tahun mengembara ke Indonesia, membuka minat kepada Aloeng Silalahi pada bidang teater. Apatah lagi, teater Jam Dinding Yang Berdetak karya Nano Ri-antiarno adalah naskhah pertama pementasan teater pernah ditontonnya ketika berada di negara jiran itu.

Terpikat dengan jalan cerita yang menjerus pada keluarga serta ketabahan jiwa wanita diketengahkan teater itu mendorong Aloeng mementaskannya untuk tontonan orang ramai di Lambang Sari, Istana Budaya (IB) pada 17 hingga 19 Januari ini.

Mengetengahkan gandingan pelakon teater berbakat dengan pelakon popular tempatan seperti Nadiya Nisaa, diyakini pementasan Jam Dinding Yang Berdetak pasti takkan menghampakan penonton.

Mengulas mengenai teater itu, Aloeng berkata sebagai, pelajar tahun tiga Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), sudah pasti dia sangat berbesar hati diberi kepercayaan oleh penerbit Revolution Stage Sdn Bhd dan IB untuk menghasilkan naskhah hebat itu.

“Walaupun ia naskhah teater dari Indonesia, namun ini adalah pementasannya yang ketiga di Malaysia. Bahkan, berdasarkan maklum balas pementasan terdahulu, sambutan diterima daripada penonton adalah agak baik.

“Jadi, saya yakin teater Jam Dinding Yang Berdetak diarahkan ini mampu menarik perhatian penonton ke Lambang Sari kerana kekuatan jalan ceritanya, dialog dimuatkan serta aksi

akan dipersembahkan walaupun tiada elemen nya-

nyian dan tarian,” katanya.

Dipersembahkan selama satu jam 30 minit, Aloeng berkata, memandangkan ia adalah pementasan teater pertamanya di IB, dia mengakui sudah mengolah jalan cerita Jam Dinding Yang Berdetak sebaik mungkin mengikut kesesuaian tontonan masyarakat di negara ini.

“Saya sudah melakukan perubahan 45 peratus pada jalan cerita teater ini daripada naskhah asalnya. Olahan itu bertujuan bagi memastikan jalan ceritanya boleh diterima penonton tempatan.

“Apatah lagi, kalau diikutkan pada olahan skrip awalnya lebih menjerus pada drama TV. Namun, bagi kesesuaian untuk pementasan teater, maka saya ubah sedikit jalan cerita, karakter pelakon dan juga bahasa,”


katanya.

Menyentuh pula mengenai pemilihan Nadiya Nisaa dan juga pelakon baru, Amerul Affendi untuk menjayakan watak anak perempuan dan lelaki dalam teater berkenaan, kata Aloeng, semestinya dia teruja untuk bekerjasama dengan dua bintang berbakat itu.

Katanya, dia juga bangga bekerjasama dengan dua lagi pelakon asal teater Jam Dinding Yang Berdetak iaitu Nik Surya Suriani yang melakonkan watak utama sebagai Rafidah dan Kirin Muhamad (Adzam).

Sehubungan itu, bagi orang ramai yang berminat menyaksikan teater Jam Dinding Yang Berdetak boleh mendapatkan tiket berharga RM30, RM50 dan RM80. Justeru, kata Aloeng, penetapan harganya amat berpatutan.

Headline	Ketabahan jiwa WANITA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	825,000
Page No	R14	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	499 cm²
Journalist	Norhayati Nordin	AdValue	RM 18,359
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,077



ALOENG Silalahi